

WOODBALL

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Sukan Woodball bagi Karnival Sukan MASUM akan dianjurkan berdasarkan :

1.1.1 Peraturan AM Karnival Sukan MASUM

1.1.2 Peraturan yang dikeluarkan oleh Persatuan Woodball Antarabangsa (IwBF)

1.2 Permainan Dipertandingkan dalam bentuk :-

1.2.1 Berpasukan Lelaki

1.2.2 Berpasukan Wanita

1.2.3 Individu Lelaki

1.2.4 Individu Wanita

1.2.5 Double Lelaki

1.2.6 Double Wanita

1.2.7 Double Campuran

1.3 Pendaftaran Permainan / Pembentukan Pasukan

1.3.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan lelaki seperti berikut :-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	6 orang
JUMLAH		8 orang

1.3.2 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan wanita seperti berikut :-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	6 orang
JUMLAH		8 orang

- 1.3.3 Acara berpasukan : Maksimum 6 orang peserta dan minimum 4 orang peserta layak untuk menyertai acara berpasukan.
- 1.3.4 Bagi pasukan yang mempunyai kurang dari 4 orang peserta hanya layak menyertai acara individu sahaja.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan ini dijalankan secara "Stroke Event"

2.2 Pemberian Mata

2.2.1 Pemenang Kategori berpasukan akan ditentukan melalui :

2.2.1.1 Bagi kategori berpasukan lelaki dan wanita jumlah pukulan 4 pemain terendah bagi 48 gate akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

2.2.1.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak bagi keseluruhan empat pemain dalam kumpulan tersebut. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate terakhir.

2.2.2 Pemenang Kategori Individu :

2.2.2.1 Pemenang bagi kategori individu pula akan ditentukan melalui jumlah pukulan terendah bagi seseorang pemain diambil kira

2.2.2.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambilkira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate terakhir.

2.2.3 Pemenang Kategori Double :

2.2.3.1 Bagi kategori double lelaki dan wanita jumlah pukulan 2 pemain terendah bagi 12 gate akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

2.2.3.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak bagi keseluruhan empat pemain dalam kumpulan tersebut. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate terakhir.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.2.4 Pemenang Kategori Double Campuran :

2.2.4.1 Bagi kategori double Campuran jumlah pukulan 1 pemain lelaki dan 1 pemain wanita terendah bagi 12 gate akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

2.2.4.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak bagi keseluruhan empat pemain dalam kumpulan tersebut. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate terakhir.

2.3 Pematuhan Pakaian

2.3.1 Seluar panjang slack atau track bottom dan T-Shirt berkolar serta berkasut sukan. Seluar jeans adalah dilarang sama sekali.

2.4 Pematuhan Peralatan

2.4.1 Alat permainan iaitu mallet dan bola yang digunakan adalah dari jenama Hui King sahaja dibenarkan.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	2 orang
2	Jurulatih Pasukan	2 orang
3	Pemain Lelaki	6 orang
4	Pemain Wanita	6 orang
	Jumlah	16 orang